

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000**

**September 1999**

**PDP 401 – Pengantar Ilmu Pendidikan**

**Masa (2 jam)**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **3** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

- Arahan :**
- (a) Jawab soalan **SATU** (1), dan **DUA** (2) soalan lain.
  - (b) Mulakan setiap jawapan dengan helaian kertas yang baru dan catatkan nombor soalan dengan jelas.

**SOALAN 1 WAJIB DIJAWAB**

**Soalan 1**

Pilih lima (5) kata-kata atau ungkapan yang digunakan dalam bidang pendidikan daripada senarai di bawah. Beri definisi atau pengertian bagi setiap satu yang dipilih dan sertakan contoh-contoh untuk menerangkannya.

- a. proses pengajaran
- b. motivasi dan naluri
- c. pertumbuhan dan perkembangan
- d. pembelajaran formal dan tidak formal
- e. perkembangan kognitif
- f. tingkah laku
- g. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
- h. Falsafah Pendidikan Negara
- i. Organisasi sekolah

**(40 markah)**  
...2/-

**JAWAB DUA (2) SOALAN DARIPADA EMPAT (4) SOALAN BERIKUT:**

**Soalan 2**

“Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran antara lain berteraskan kepada pelajar mempunyai kesediaan belajar”.

Jelaskan lima faktor kesediaan belajar yang perlu dikenalpasti oleh guru dan bagaimana faktor-faktor ini diambilkira dalam persediaan dan pengajarannya. Berikan juga contoh-contoh kelima-lima faktor kesediaan belajar, bagaimana kelima-lima faktor diambilkira dalam persediaan dan pengajaran guru (atau kedua-dua-nya) untuk jawapan kamu.

(30 markah)

**Soalan 3**

“Cendekiawan pendidikan telah mengemukakan beberapa model pengajaran bagi membantu guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berjaya”.

Dengan merujuk kepada model-model pengajaran tersebut bincangkan tiga (3) komponen utama yang boleh dijadikan asas dalam usaha guru melaksanakan satu proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

(30 markah)

**Soalan 4**

Penilaian pendidikan merupakan satu proses mentaksir sama ada kuantiti atau takat sesuatu yang diukur itu boleh diterima ataupun tidak.

- a. Kenapa guru perlu menilai?
- b. Apakah yang dinilai dalam SATU proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah?

(30 markah)

...3/-

**Soalan 5**

“Dalam konteks pendidikan, disiplin seseorang murid boleh dipengaruhi oleh sekolah ... alam sekitar, masyarakat di luar sekolah ... sikap dan tingkah laku rakan sebaya dan orang dewasa seperti ibu bapa, guru dan pemimpin-pemimpin masyarakat”. (Ee Ah Meng, 1989, ms 131)

Jelaskan bagaimana setiap satu faktor di atas boleh mempengaruhi pelajar dan apakah langkah yang boleh diambil oleh seseorang guru untuk membendung masalah pelajar.

(30 markah)

- 0000000 -

